

# KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: SINAR HARIAN (HIBURAN)

TARIKH: 06 APRIL 2018

MUKA SURAT: 25

## Tayangan filem Qhaliq ditangguhkan

**FILEM** Qhaliq yang sepatutnya ditayangkan semalam, serentak dengan filem Dukun akhirnya mengundur diri bagi memberi laluan kepada Dukun terlebih dahulu.

Pengarah dan produser, Ahmad Idham Nadzri sendiri telah membuat permohonan penangguhan tayangan filem terbaharu edaran syarikat Aifa Motion Pictures itu kepada Perbadanan Kemajuan Filem Nasional (Finas) dan Jawatankuasa Wajib Tayang dan telah pun diluluskan.

"Saya sudah mendapat persetujuan daripada Ketua Pengarah Finas, Datuk Fauzi Ayob dan jawatan kuasa Wajib Tayangan," katanya ringkas.

Tambahnya Ahmad Idham, 45, penarikan filem itu bukan kerana tidak mahu bersaing tetapi tidak mahu budaya membenarkan dua tayangan filem tempatan serentak yang boleh menyebabkan kerugian kepada penerbit filem tempatan pada masa depan.

